

KERAJAAN NEGERI SEMBILAN
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN DAERAH REMBAU



KENYATAAN SEBUTHARGA

1. Sebutharga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor/pembekal-pembekal yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja / bekalan perkhidmatan berikut:

| Bil | No. Sebutharga | Tajuk | Syarat Pendaftaran | Harga Borang |
|-----|--------------------|--|--|--------------|
| 1. | JPSNS/SH/R/09/2021 | Melaksana Dan Menyiapkan Kerja-kerja Menyelenggara Jalan Ladang Kg.Sg.Serai,Mukim Semerbok, Daerah Rembau, Negeri Sembilan Darul Khusus. | Berdaftar Dengan CIDB Memegang Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan dan Sijil Taraf Bumiputera yang masih sah. | RM50.00 |
| 2. | JPSNS/SH/R/10/2021 | Melaksana Dan Menyiapkan Kerja-kerja Membaikpulih Sistem Pengairan Di Skim Seberang Batu Hampar Mukim Batu Hampar, Daerah Rembau, Negeri Sembila Darul Khusus. | Gred : G1 Kategori CE Pengkhususan CE21 & CE06/CE36 | RM30.00 |

** NOTA – Hanya Surat Kebenaran Khas Pengkhususan yang diperolehi dari CIDB sahaja yang diterima dan diperakukan. Dokumen lain seperti resit bayaran atau surat permohonan ke CIDB adalah tidak diterima ketika pembelian Dokumen Sebutharga.*

2. Segala maklumat dan dokumen Sebutharga boleh didapati semasa waktu pejabat di Jabatan Pengairan Dan Saliran Daerah Rembau, Tingkat 1 Kompleks Pentadbiran Daerah, Jalan Dato' Lela Maharaja, 71309 Daerah Rembau, Negeri Sembilan Darul Khusus mulai dari 03 Mei 2021 dari jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengahari pada hari bekerja.

3. Lawatan Tapak/Taklimat sebutharga ini adalah **TIDAK DIWAJIBKAN** berdasarkan keadaan semasa bagi mengelakkan perhimpunan Di Bawah Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 Dan Akta Polis 1967. **Hanya penama syarikat di dalam Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) / Sijil Perakuan Pendaftaran (SPP) yang dikeluarkan oleh CIDB sahaja boleh hadir untuk membeli borang sebutharga ini dan hendaklah memastikan diri dalam berkeadaan sihat.**

4. Dokumen Sebutharga **kerja** hanya akan dikeluarkan kepada kontraktor yang membawa Sijil Pendaftaran **ASAL (SPP dan SPKK)** yang dikeluarkan oleh CIDB serta Sijil Taraf Bumiputera yang dikeluarkan oleh Bahagian Pembangunan Kontraktor & Usahawan KKR.


5. Kontraktor/Pembekal yang ingin memasuki setiap Sebutharga di atas adalah dikehendaki membayar secara **Wang Tunai Sahaja** berharga **RM50.00 (Ringgit Malaysia: Lima Puluh Sahaja)** dan **RM30.00 (Ringgit Malaysia: Tiga Puluh Sahaja)** bagi setiap bayaran dokumen Sebutharga.

6. Sebutharga ini akan ditutup pada **07 Mei 2021**. Dokumen Sebutharga hendaklah dimasukkan kedalam **Peti Sebutharga di Jabatan Pengairan Dan Saliran Daerah Rembau, Tingkat 1 Kompleks Pentadbiran Daerah, Jalan Dato' Lela Maharaja, 71309 Daerah Rembau, Negeri Sembilan Darul Khusus** tidak lewat dari jam **12.00 tengahari** pada hari tersebut.

Sekian, terima kasih.

"PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"BERSIH. MUAFAKAT.SEJAHTERA"

Saya yang menjalankan amanah,


(HANIF BIN HAMZAH)
Penguasa Daerah,
Jabatan Pengairan Dan Saliran Rembau.

26/04/2021

s.k :

1. Pengarah, JPSN.NS
2. Pegawai Daerah, Pejabat Daerah Rembau
3. Jurutera Daerah, JKR Daerah Rembau
4. Yang Dipertua, Majlis Daerah Rembau
5. Papan Kenyataan JPS Daerah Rembau
6. Fail Timbul